

# **IMPLIKASI ISU-ISU SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM PEMBANGUNAN PENYELIDIKAN FATWA KONTEMPORARI**

(IMPLICATION OF SCIENCE AND TECHNOLOGY ISSUES IN CONTEMPORARY  
FATWA RESEARCH DEVELOPMENT)

Alias bin Azhar<sup>1</sup>  
 Mohammad Azam Bin Hussain<sup>2</sup>  
 Mohd Zakhiri bin Md. Nor<sup>3</sup>  
 Mohamad Khairi Bin Haji Othman<sup>4</sup>

## **Abstract**

*Issues of science and technology affect changes in hukm and require research on hukm is made more effective and systematic. Therefore, the most important contemporary ijtihad, referring to research methodology fatwa in response to new legal issues that arise in specific community issues related to science and technology. Discussion of this article refers to the theory of Islamic law, that every law that is built based on ijtihad were no clear text (Qat'i) can change based on changes in time, place and circumstance, intention and traditions ('urf). This article will focus on aspects of contemporary ijtihad methodological approach in research fatwa and significance. Society expects answers thoroughly and appropriate legal and in line with current developments. The need for ijtihad contemporary Islamic societies today are at the stage of an emergency, failure to meet this requirement also indirectly negatively affect the development of the law in line with the development of science and technology.*

**Keywords:** Contemporary Ijtihad, Fatwa, Hukm Issues, Science And Technology, Istinbat

## **Abstrak**

*Isu-isu sains dan teknologi memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam dan memerlukan penyelidikan hukum dibuat dengan lebih efektif dan sistematis. Oleh itu, ijtihad kontemporari amat penting, merujuk kepada metodologi penyelidikan fatwa bagi menjawab persoalan hukum baru yang timbul dalam masyarakat khusus isu-isu berkaitan sains dan teknologi. Perbincangan*

---

<sup>1</sup> Prof. Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMSoL, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman, e-mel: az.alias@uum.edu.my

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMSoL, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMSoL, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Kolej Sastera Dan Sains, UUMCAS, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman.

artikel ini merujuk kepada teori perubahan hukum Islam, bahawa setiap hukum yang dibina berasaskan *ijtihad* yang tiada nas *qat'i* boleh berubah berdasarkan perubahan waktu, tempat dan keadaan, niat dan tradisi ('urf). Artikel ini turut memfokuskan aspek pendekatan metodologi *ijtihad* kontemporari dalam penyelidikan fatwa serta kepentingannya. Masyarakat mengharapkan jawapan hukum yang tuntas dan tepat serta sesuai dengan perkembangan semasa. Keperluan kepada *ijtihad* kontemporari bagi masyarakat Islam sekarang ini sudah berada pada tahap yang mendesak, kegagalan memenuhi keperluan ini secara tidak langsung turut memberi kesan negatif kepada aspek pembangunan hukum selari dengan perkembangan sains dan teknologi.

**Kata Kunci:** *Ijtihad Kontemporari, Fatwa, Isu-Isu Hukum, Sains dan Teknologi, Istinbat*

2016 GBSEJournal

## Pendahuluan

Kesan langsung daripada perkembangan sains dan teknologi berlaku apabila terdapat penemuan yang baharu dalam sesuatu isu dengan bantuan sains dan teknologi. Contohnya adalah perubahan hukum daripada pengharaman memakan belangkas kepada keharusan untuk menikmatinya selepas kajian saintifik dijalankan mengenai tabiat hidup dan makanan haiwan terbabit, keharusan untuk meminum dan memanfaatkan air baru (*new water*) yang diproses daripada sisa kumbahan, isu makanan terubahsuai genetik (GMF) dan seumpamanya ([www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)).

Isu-isu seperti penggunaan alkohol dalam makanan dan bukan makanan, penggunaan sumber berasaskan khinzir dan derivatifnya serta isu-isu berkaitan gelatin([www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)) dapat dibuktikan dengan lebih tepat dan efisyen Penggunaan alatan yang canggih dalam penyelidikan fatwa dalam menentukan hukum halal atau haram sesuatu produk makanan yang dihasilkan tersebut boleh dikenalpasti kehadiran sumber haramnya dengan jelas. Kajian akan meneliti aspek prosedur penyelidikan dalam fatwa berkaitan.

Sehubungan dengan itu, *ijtihad* kontemporari signifikan dalam usaha tajdid al-turath yang mana terdapat hukum-hukum *ijtihad* dalam kitab *fiqh* klasik yang tidak lagi sesuai, begitu juga dengan penetapan terhadap hukum baharu bagi masalah baharu dari produk semasa yang tiada nas secara langsung dari al-Qur'an dan al-Sunnah seperti pengklonan dan makanan ubah suai genetik. Semua masalah baharu yang timbul ini adalah kesan perubahan sosio-budaya masyarakat kesan perkembangan sains dan teknologi semasa. Ini kerana manusia adalah "ibnu 'asrihi" (Mujiyono Abdillah, 2003).

Penyelidikan fatwa melalui *ijtihad* berasaskan proses ulangkaji secara sistematik mampu mencapai taraf yang tinggi dari segi penyelidikan. Dalam istilah Usul *Fiqh* ia disebut sebagai kerja-kerja "Takhrij". Berasaskan kepada teori *Ijtihad* ia merupakan kerja-kerja *ijtihad* paling bawah (Ahmad Ali Taha Rayyan, 1995). Dalam istilah penyelidikan moden ia disebut sebagai "Ulang kaji kajian/penulisan" (literature review) yang hanya berfungsi untuk memberi gambaran

yang jelas tentang pandangan dan hasil kajian terdahulu dan belum merupakan hasil kajian yang sebenar.

Sepertimana kata al-Qaradhawi (1985), selain daripada keperluan memahami nas al-Quran dan al-Sunnah (*Fiqh al-Nusus*) keperluan untuk memahami realiti (*Fiqh al-Waqi'*) juga sangat penting. Para fuqaha zaman lampau juga banyak memperkatakan tentang perubahan fatwa kerana perubahan keadaan. Sehubungan dengan ini adalah penting sekali untuk memahami semua teks yang berkaitan dalam konteks yang ada. Kalau tidak kesimpulan yang akan dibuat nanti mungkin lebih bersifat sangat ideal dan sukar untuk direalisasikan dalam persekitaran yang ada.

### **Isu-isu *Fiqh* Semasa Berorientasikan Sains dan Teknologi**

Sebagai melengkapkan perbincangan disenarai ringkaskan isu-isu *fiqh* semasa berorientasikan S&T yang telah difatwakan dan dikodifikasi dalam bentuk buku ilmiah, jurnal, monograf, prosiding, laman web dan lain-lain bentuk artikel. Senarai isu-isu tersebut akan diklasifikasikan mengikut bidang-bidang utama dalam pengajian S&T dan ICT. Antaranya ialah seperti berikut:

#### i) Bidang Sains Perubatan & Kesihatan

Bil	Isu <i>Fiqh</i> Semasa	Rujukan
1.	Pembibitan Baka -Tabung Embrio/persenyawaan In-Vitro -Pemusnahan Embrio	Anuar Zaini,(1999), Kemajuan S&T dan Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Malaysia Masa kini, dlm. Hukum Islam Semasa, Kuala Lumpur: APIUM.
2.	Pengklonan Manusia	-Ibid.
3.	Teknologi Gen -pengesanan penyakit melalui DNA -Pemindahan gen haiwan transgenic	-Ibid.
4.	Pemindahan Organ	Abd. Jalil Borham, (1999), Keperluan <i>Ijtihad</i> Terkini Mengenai Pemindahan Organ Manusia, dlm. Hukum Islam Semasa,Kuala Lumpur: APIUM.
5.	Pembedahan Post Mortem Mayat	-Ibid.
6.	Euthanasia (mati otak)	Mohd Daud Bakar,(1997), Memahami Kedah Hukum Islam Dalam Pendekatan Perubatan Masa Kini, dlm. Alwi Mohd Yunus (ed.) Islam Dan Perubatan, Kuala Lumpur:INMIND.
7.	Menumpang rahim (surrogating)	-Ibid.
8.	Penumbuhan bank organ	-Ibid.

9.	Pemindahan DNA	Umar A.Janie, (2003), Ilmu Pengetahuan Dan Teknologi Dalam Perspektif Pemikiran Islam, dlm. Menyatukan Kembali Ilmu-ilmu Agama Dan Umum, Yogyakarta: Sunan Kalijaga Press.
10.	Hukum Pengklonan Terapeutik	Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tahun 2005
11.	Penyelidikan Sel Stem	-Ibid.
12.	Bank Air mani	Keputusan Fatwa Kebangsaan,(1981), Putrajaya: JAKIM
13.	Bayi Tabung Uji	-Ibid.(1983)
14.	Pengguguran Kandungan	-Ibid.(1990)
15.	Derma Darah & Penggunaan Darah Orang Islam kepada bukan Islam & sebaliknya	-Ibid.(1983)
16.	Penggunaan Alat Direct Current Shock	-Ibid.(1983)
17.	Penyuntikan Highly Purified Insulin Daripada Babi	-Ibid.(1983)
18.	Penggunaan Ubat Penyakit Jantung bagi Pesakit Berpuasa	-Ibid.(1984)
19.	Pelalian Rubela	-Ibid.(1988)
20.	Imunisasi Hepatitis B	-Ibid.(1988)
21.	Iminisasi Campak, Tibi, Batuk Kokol, Difteria, Tetanus Dan Polio	Laman Web e.fatwa www.Islam.gov.my 15 Nov 2006
22.	Sistem Susuk Norplant Dalam Program Perancang Keluarga	-Ibid.
23.	Penggunaan graf Tisu	-Ibid.
24.	Penggunaan Hormon FSH-P (otak babi) dalam peningkatan ternakan	-Ibid.
25.	Menjamakkan Solat Fardhu Kerana Menjalani Rawatan Penyakit Kronik	Abdullah Abdul Rahman, (2001), dlm. Jurnal Penyelidikan Islam, bil 14, Putrajaya:JAKIM.
26.	Pemindahan Organ Manusia	Hajjah Zainab Othman, (1998), dlm. Jurnal Penyelidikan, bil 11, Putrajaya:JAKIM.
27.	Pil Viagra	Fatimah Saad, (1999), Penggunaan Pil Viagra Dan Hukum Mengenainya, dlm. Jurnal penyelidikan Islam, bil 12, Putrajaya: JAKIM.
28.	Pil Penunda Haid Pada Bulan Ramadhan	Yusuf Al-Qaradhawi, (1988), Hadyul Islam Fatawi Mu'asirah, Beirut: Dar al-Ma'rifah
29.	Hukum Suntikan Bulan Ramadhan	-Ibid.

30.	Hukum Fasakh dan Perkembangan Sains Perubatan	Azhar Abdul Aziz, (2002), Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh Kerana Penyakit, Disertasi Sarjana Syariah, Kuala Lumpur: APIUM.
31.	Mewarna Rambut	Cawangan Syariah, (2002), Mewarna Rambut Menurut Pandanga Islam, dlm. Jurnal penyelidikan Islam, bil. 15, Putrajaya: JAKIM.
32.	Percantuman Benih Untuk Kehamilan	Norliah Sajuri, (2003), Percantuman Benih Untuk Mendapatkan Zuriat Melalui Kaedah Membantu Kehamilan (Assisted Reproductive Technologies), dlm. Jurnal Penyelidikan Islam, bil 16, Putrajaya: JAKIM.
33.	Gugur Janin Bagi Pesakit Thalassaemia	-Ibid.Cawangan Syariah.
34.	Pendermaan Sperma	Sirti Zubaidah Ismail, (1998), Pendermaan Sperma Menurut Perspektif Islam, dlm. Jurnal Syariah, jld. 6, Kuala Lumpur: APIUM.
35.	Fatwa-fatwa Klon	Noor Naemah, (2004), Fatwa-fatwa Klon, dlm. Jurnal <i>Fiqh</i> , no.1, Kuala Lumpur: APIUM.
36.	Rawatan Hormon Wanita Menopos	Anisah Ab. Ghani, (2004), Fatwa Mengenai Hormon bagi Wanita Menopos Dan Darah Yang Keluar Semasa Mengambil Hormon, dlm. Jurnal <i>Fiqh</i> , no. 1, Kuala Lumpur: APIUM.
37.	Penggunaan Botox	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal ehwal Ugama Islam Malaysia, kali ke-74, pada 25-27 Julai 2006, dlm. Buletin JAKIM, bil 86, Putrajaya: JAKIM.

ii) Sains Pemakanan & Bioteknologi

Bil	ISU <i>FIQH SEMASA</i>	SUMBER /RUJUKAN
1.	Etanol Dalam Arak	Mas Sahidayu Mokhtar, (2005), Impak Produk Bioteknologi Terhadap Perubahan Hukum Islam Semasa, Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan, pada 28-29 September, Kuala Lumpur: APIUM.
2.	Enzim Dalam Makanan	-Ibid.
3.	DNA dalam makanan	-Ibid.

4.	Ramuan Pemakanan -Emulsifier -Gelatin -Malt -Alkohol -Mayonaise -Monosodium glutamate (MSG) -Glycerol atau glycerin	Cawangan Pembangunan Halal, (2000), Ciri-ciri Meragukan Dalam Penyediaan makanan Dan Cara Mengatasinya, Jurnal Penyelidikan Islam, bil. 13, Putrajaya:JAKIM.
5.	Bakteria Najis Bayi Dalam Yogurt	Norliah Sajuri, (2004), Hukum Menggunakan Bakteria Yang Diambil Daripada Najis Bayi Sebagai Agen Pemungkin Dalam Yogurt, Jurnal Penyelidikan Islam, bil.17, Putrajaya:JAKIM.
6.	Gelatin dalam makanan	Zainal Abidin Mat Nor, (1999), Adakah Gelatin Halal?, Jurnal Penyelidikan Islam, bil.12, Putrajaya:JAKIM.
7.	Alkohol dalam makanan & minuman	Fatimah Saad, (1998), Penggunaan Alkohol Dalam Makanan Dan Minuman, Jurnal Penyelidikan Islam,bil. 11, Putrajaya:JAKIM.
8.	Pemeraman Mikrobik	Muhammad Munir Chaudry & Jeo M. Regenstein, (1998), Implikasi Bioteknologi Dan Kejuruteraan Genetik Pada Kosher Dan Makanan Halal, Jurnal Penyelidikan Islam, bil. 11, Putrajaya:JAKIM.
9.	Renet dalam keju	Suhaila Mohamed, (1990), Kertas Kerja bertajuk Keju Dari Segi Halal/Haramnya Dalam Makanan, Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains Makanan Dan Bioteknologi:UPM.
10.	Bahan pewarna makanan	<a href="http://www.e-fatwa.gov.my">www.e-fatwa.gov.my</a>

### iii) Teknologi Pembuatan & Pemprosesan

1.	Proses Fermentasi Alkohol	Mas Sahidayu Mokhtar, (2005), Impak Produk Bioteknologi Terhadap Perubahan Hukum Islam, Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa IV Peringkat Kebangsaan 2005, Kuala Lumpur:APIUM.
2.	Kejuruteraan Pemprosesan Makanan	-Ibid.
3.	Penyembelihan Ayam Guna Mesin	Fatimah Saad, (1998), Penyembelihan Ayam Dengan Menggunakan Mesin, Jurnal Penyelidikan Islam, Bil. 11, Putrajaya:JAKIM

4.	Kejutan Elektrik Pada Ayam	Ahmad Al-Absy & Sami Hakim, (1998), Analisis Kesan Kejutan Elektrik Pada Kadar Pendarahan Ayam Yang Disembelih, Jurnal Penyelidikan Hukum Islam,Bil 11, Putrajaya:JAKIM.
5.	Penyembelihan Guna Pisau Mekanikal	Cawangan Pembangunan Halal.(2000), Ciri-Ciri Meragukan Dalam Penyediaan Makanan Dan Cara Mengatasinya, Jurnal Penyelidikan Islam, Bil. 13, Putrajaya:JAKIM
6.	Kaedah Mechanical Stunning & Pneumatic Stunning	-Ibid.
7.	Pelalian Water Stuner Dalam Penyembelihan	<a href="http://www.e-fatwa.gov.my">www.e-fatwa.gov.my</a>
8.	Otak Babi Sebagai Peningkatan Ternakan	-Ibid.
9.	Tahi Babi Diproses	-Ibid.

Senarai ringkas isu-isu *fiqh* semasa di atas amat jelas membayangkan implikasi S&T dan ICT terhadap perkembangan hukum Islam yang mengakupi ruang kehidupan masyarakat Islam kini. Secara holistiknya, bidang S&T di bawah sub bidang bioteknologi adalah paling berpengaruh dalam manifestasi hukum masyarakat. Ini disebabkan ianya membabitkan pelbagai produk yang komplek, seperti perubatan, pemakanan dan kosmetik. Oleh itu, dalam konteks instinbat fatwa semasa, maklumat terperinci tentang mekanisme dan modus operandi bioteknologi amat penting difahami dalam proses awal istinbat fatwa kontemporari.

### **Konsep *Ijtihad* Kontemporari**

Kepelbagaiannya yang timbul ini adalah kesan langsung daripada perkembangan sains dan teknologi. Hasilnya, lahir beberapa isu hukum baru yang dahulunya tidak dibincangkan secara terperinci oleh sarjana hukum Islam klasik. Dinamisme sains dan teknologi ini memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam dan ketepatan hukum dan dibuat dengan lebih efektif. Hakikat ini ditegaskan oleh Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (2001).yang mana aplikasi syariah Islam dalam sejarah membuktikan kemungkinan boleh dilakukan pembaharuan hukum berdasarkan berlakunya perubahan masa dan tempat. Adalah diakui bahawa pandangan para sarjana hukum Islam zaman keemasan merupakan kemuncak pemikiran hukum Islam yang tinggi nilainya.

Namun ketinggian itu tidak boleh menjadi alasan untuk mengekalkannya sebagai kemuncak bagi setiap zaman dan dalam semua keadaan. Apa pun juga nilainya, pandangan dan fatwa mereka masih terikat dengan hakikat sebagai hasil pemikiran manusia yang tertakluk kepada pengaruh masa dan tempat. Tidak seperti wahyu yang kebenarannya mutlak dan abadi.

Al-Amidi (t.t) menghuraikan *ijtihad* sebagai “*pengerahan seluruh kemampuan mujtahid dalam mencari hukum-hukum syari’at yang bersifat zanni (diduga kuat kebenarannya) sehingga ia merasa tidak sanggup lagi mencari tambahan kemampuan untuk hal itu.*”. Dengan demikian dalam berijtihad harus ada unsur-unsur berikut: 1) Usaha mengerahkan seluruh kemampuan rasional semaksimum mungkin dan 2) Tujuannya untuk menghasilkan hukum yang *zanni*, sifatnya ‘*amaliah*, bukan masalah akidah. Ijtihad kontemporari dapat dijelaskan sebagai usaha dengan mencerahkan seluruh tenaga dan kemampuan berfikir untuk mencari solusi hukum terhadap pelbagai persoalan baharu yang timbul masa kini dengan mengambil kira realiti perubahan sosio-budaya di samping latar belakang keilmuan semasa. *Ijtihad* ini selain melibatkan isu-isu baharu timbul, ia juga merangkumi isu-isu lama yang diberikan interpretasi baharu sesuai dengan perkembangan zaman.

Menurut al-Qaradawi (1985), terdapat dua bentuk *ijtihad* yang boleh diaplikasikan pada masa kini. Pertama, *al-Ijtihad al-Intiqā’i*, iaitu *ijtihad* komparatif selektif dengan meneliti kembali (*re-ijtihad*) hasil *ijtihad* sarjana hukum Islam terdahulu berserta dalil-dalilnya yang terdapat warisan *fiqh* klasik, membuat perbandingan antara satu sama lain, kemudian memilih pendapat yang lebih kuat (tarjih). Kriteria yang digunakan dalam memilih pendapat yang kuat termasuklah:

- i. Pendapat tersebut hendaknya lebih sesuai dengan kehidupan orang zaman sekarang.
- ii. Pendapat tersebut hendaknya lebih banyak memberikan rahmat bagi umat manusia.
- iii. Pendapat tersebut hendaknya lebih dekat kepada kemudahan yang diberikan syariat.
- iv. Pendapat tersebut lebih utama dalam mewujudkan syariat, memberikan kemaslahatan bagi makhluk dan menjauhkan mereka dari kerosakan.

Bentuk kedua adalah *ijtihad insya’i*, iaitu *ijtihad* konstruktif inovatif, dengan menetapkan hukum atas berbagai masalah baharu yang tidak pernah diketahui oleh sarjana hukum Islam terdahulu kerana belum wujud lagi permasalahan tersebut pada zaman silam, atau dalam masalah lama tetapi sarjana hukum Islam kontemporari mempunyai pendapat baharu yang belum pernah dikemukakan oleh ulama-ulama terdahulu (al-Qaradawi, 1985).

Dalam *ijtihad* bentuk yang kedua, penguasaan terhadap pengetahuan baharu berkaitan persoalan tersebut, di samping pengetahuan yang menjadi persyaratan *ijtihad* itu sendiri adalah signifikan. Untuk itu, *ijtihad jama’i* atau kolektif sangat diperlukan. Ini kerana keterbatasan pengetahuan seseorang seiring dengan semakin ketatnya pengkhususan disiplin ilmu pada masa kini, menjadikan *ijtihad fardi* atau individu dilihat kurang relevan. Sebagai contoh, dalam isu pemindahan organ manusia. Sukar bagi sarjana hukum Islam untuk menetapkan hukum dengan tepat tanpa bantuan daripada pakar perubatan. Sarjana hukum Islam perlu mendengar dahulu pendapat pakar dalam bidang perubatan, khususnya pakar bedah informasi mengenai cara dan mekanisme pemindahan organ manusia. Setelah diketahui secara jelas kaedah pemindahan organ, baharu dimulai perbahasan dari disiplin *usul al-fiqh* untuk ditetapkan hukumnya. Justeru, *ijtihad* kolektif pada masa kini lebih relevan dan signifikan selaras dengan perkembangan kontemporari, seiring dengan pembidangan serta pengkhususan ilmu semasa (al-Qaradawi, 1985).

Walaupun wujud perbezaan dengan pendapat sarjana hukum Islam terdahulu, atau bertentangan sekalipun, ia tidak menjadi masalah kerana tiada larangan bahawa hasil *ijtihad* yang terkemudian tidak boleh bertentangan dengan hasil *ijtihad* sarjana hukum Islam terdahulu. Lebih-lebih lagi hasil *ijtihad* tidak dapat dibatalkan oleh hasil *ijtihad* yang lain, masing-masing diamalkan sesuai dengan masa dan kondisinya. Secara umumnya, bukan isi kandungan hukum atau prinsip hukum yang akan diubah, tetapi aspek metodologi penyelidikan menjadi titik tolak perbincangan dan semakan semula.

*Ijtihad* inilah yang memberi ruang kepada masyarakat untuk menilai perkara-perkara baharu yang berkembang dalam masyarakat sama ada bercanggah atau tidak dengan kehendak hukum Islam. Sebab nas-nas adalah terhad, manakala peristiwa yang berlaku adalah tidak terbatas (Ab. Halim El-Muhammady, 1998). Jadi proses *ijtihad* dapat dilaksanakan sama ada secara individu atau kolektif.

### Pendekatan Penyelidikan Fatwa Kontemporari

Imam Ibn Qayyim (1995) menganggap bahawa seorang mufti adalah sebagai pemberi khabar tentang ketentuan hukum Allah SWT dalam satu-satu perkara melalui *ijtihad* dan fatwanya. Dalam *muqadimah* kitabnya, a’ilm al-Muwaqqiin an-Rab al-‘Alamin, beliau berkata, “Apabila tandatangan seorang raja dan persetujuannya tentang sesuatu memiliki keistimewaan dan kemuliaan yang tidak dinafikan, apatah lagi tandatangan dan persetujuan Rab al-‘Alamin, penguasa langit dan bumi”.

Penilaian kembali kefahaman atau *fiqh* terdahulu yang merupakan perbendaharaan yang amat bernilai dengan mengambil kira segala bidang keilmuan yang tidak terbatas kepada bidang agama sahaja, bahkan melibatkan bidang sains dan teknologi khususnya disiplin biologi, kimia, fizik, matematik dan lain-lain. Termasuk juga nilai intelektual (seperti nilai-nilai psikologi, sejarah, politik, ideologi dan lain-lain) serta realiti hidup masyarakat sama ada dalam masalah sosio-ekonomi, kebudayaan, interaksi sosial dan sebagainya. Ini kerana adalah penting menentukan hukum berdasarkan pada pandangan dan perspektif semasa.

Menurut al-Sayis (1970), hukum Islam dapat dibahagikan kepada dua, iaitu pertama, hukum yang tetap dan tidak akan berubah serta ditukar ganti sama ada berlaku perubahan realiti semasa atau setempat dan kedua, hukum *juz’iyyah* yang memelihara kepentingan manusia dan cara hidup (*‘urf*) mereka. Hukum ini akan mewarnai kepentingan manusia selari dengan perubahan masa dan keadaan.

Selaras dengan hakikat tersebut, wujudnya elemen *al-taghayyur* dalam tafsiran nas terutamanya dalam kategori kedua. Elemen *al-taghayyur* menjadi unsur pelengkap dalam memenuhi keperluan dan realiti manusia yang sentiasa berubah dan berkembang (al-Zuhayli, 2001). Pandangan al-Raysuni (2000), realiti (sosial) seperti air yang mengalir, iaitu berubah dan tidak bersifat statik.

Justeru, beberapa kaedah yang relevan dapat diaplikasi dalam menganalisis pandangan sarjana hukum Islam dalam perubahan hukum hasil implikasi perubahan realiti semasa dan setempat. Kaedah tersebut adalah (Ibn al-Qayyim, 1992; al-Zarqa, 1998):

*Perubahan dan perbezaan fatwa [hukum] adalah berdasarkan perubahan waktu (masa), ruang (tempat), keadaan, motivasi dan kebiasaan*

Mengulas tentang kaedah ini, al-Qaradawi (2004) berpendapat ia mempunyai sandaran yang kukuh sama ada dari al-Qur'an, al-Sunnah atau pandangan Sahabat. Berasaskan kaedah tersebut, hukum yang ditetapkan berdasarkan *ijtihad* yang tiada nas *qat'i* akan berubah dengan berlakunya perubahan dari segi waktu, tempat dan keadaan, niat dan tradisi ('urf). Ini kerana kebiasaan hukum tersebut dibina bagi memelihara *maslahah* dan kepentingan masyarakat dan dalam masa yang sama menolak sebarang kesulitan di samping mempermudahkan urusan hidup.

Beberapa prinsip menjadi asas kepada perubahan hukum dan sekali gus memerlukan pendekatan penyelidikan fatwa yang bersifat semasa. Prinsip-prinsip tersebut ialah:

i. Prinsip Waktu (masa)

Prinsip ini memfokuskan kepada kepentingan dimensi waktu sebagai faktor penyebab terjadinya perubahan hukum Islam. Contohnya, konsep waktu yang biasanya diambil kira dalam perubahan hukum adalah perubahan dari waktu damai ke waktu perang (al-Zuhayli ,1998), dari waktu biasa (normal) ke waktu darurat dan kelaparan. Selain itu, waktu juga dikaitkan dengan dimensi masa lepas (silam/ klasik), kini (sekarang/ moden/ kontemporari) dan akan datang (futuristik).

ii. Prinsip 'Urf

Prinsip ini fokus kepada kepentingan tradisi sebagai faktor perubahan hukum Islam. Jika berlaku perubahan tradisi, perubahan itu akan diikuti oleh perubahan hukum Islam yang didasarinya. Dalam kajian *Usul al-Fiqh*, 'urf memainkan peranan yang penting dalam tafsiran dan huraian fuqaha bagi ketetapan hukum yang tiada nas yang jelas. Sehubungan dengan itu, dalam kajian *fiqh*, banyak sekali masalah yang rujukannya ialah tradisi dan kebiasaan. Sejajar dengan itu, Syarak memberikan manusia kebebasan dalam penetapan hukum yang berdasarkan tradisi dan adat setempat tetapi masih dalam landasan kriteria dan syarat yang digariskan (al-'Alwani, 2003; Abu Sannah, 2004).

## Penutup

Untuk mengatasi segala permasalahan hidup umat manusia millenium baharu ini, institusi fatwa perlu mencari jalan penyelesaian yang segera mungkin untuk memastikan Islam sebagai satu cara hidup yang komprehensif dapat dilaksanakan. Oleh kerana itu, pelaksanaan *ijtihad* dalam pengeluaran fatwa pada masa kini dan akan datang perlu diasaskan kepada metodologi penyelidikan saintifik secara sistematik. Hanya dengan cara demikian sahaja *fiqh* Islam mampu

menyahut cabaran masa dan mendahului segala perkembangan yang berlaku dalam zaman moden. Sekurang-kurangnya mampu mengiringi bukan mengekori tuntutan semasa. Justeru, dinamika *ijtihad* itu perlu dijana semula bagi membuktikan kesesuaian Islam untuk menghadapi cabaran zaman dan tempat.

## Rujukan

- Ab. Halim El-Muhammady (1998). “Peranan Pusat Pengajian Tinggi Ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia”, dlm Mahmood Zuhdi Abdul Majid, ( ed.), *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia*. Selangor : Thinker’s Library.
- Abdul ‘Ali Muhammad bin Nizamud-Din al-Ansari, (1322H). *Fawatih al-Rahmawat*, Maktabah al-Amiriyah, Kaherah..
- Abdul Karim Zaidan, (1996). *al-Madkhali Dirasat al-Syariah al-Islamiyah*. Iskandariyah: Dar Umar Ibn al-Khattab,
- Abdul Karim Zaidan, (2004). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, Kaherah: Mu`assasah al-Risalah
- Abu Sannah, Ahmad Fahmi ,(2004). *al-‘Urf wa al-‘Adah fi Ra’yi al-Fuqaha’*. Misr: Dar al-Basa’ir.
- Ahmad Ali Taha Rayyan, (1995). *Dhawabit al-Ijtihad Wa al-Fatwa*, Al-Mansurah: Dar al-Wafa Al-‘Alwani, Ruqayyah Taha Jabir ,(2003). *Athar al-‘Urf fi Fahm al-Nusus: Qadaya al-Mar’ah Anmuzajan*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- Al-Amidi ,Ali bin Muhammad ,(1998M/1418H). *al-Ihkam fi Usul alAhkam*, Sayyid al-Jamili (Dr.)(ed.), c. 3, j. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Tusi, (505 H/1993). *Al-Mustasfa fi Ilm al-Usul*. Beirut. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Qaradawi, Yusuf ,(1985). *al-Ijtihad fi al-Syari‘ah al-Islamiyah ma’a Nazharat Tahliliyah fi al- Ijtihad al-Mu‘asir*, Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Qaradhawi , Yusuf, (1994). *al-Ijtihad al-Mu‘asir Baia al-Indhibat Wa al-Infirat*, Kahirah: Dar al-Tauzi’ Wa al-Nasyr al-Islamiyah
- Al-Raysuni, Ahmad ,(2000). *al-Ijtihad: al-Nass, al-Waqi‘, al-Maslahah*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- Al-Sayis, Muhammad ‘Ali (1970). *Nasya‘ah al-Fiqh al-Ijtihadi wa Atwaruhu*. Kaherah: Majma‘ al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lukhmi al-Gharnati (790H/1992). *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*, jld 5, Saudi:Dar Ibn Affan.
- Al-Syawkani (1937). *Irsyad al-Fuhul*. Kaherah: Matba‘ah al-Halabi.
- Al-Zarqa, Ahmad Muhammad, (1998). *Syarh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. c. 5, Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhayli, Wahbah ,(1998) . *Athar al-Harb fi al-Fiqh al-Islami*. c. 3, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (2001). *Usul al-Fiqh al-Islami*. jld 2, Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir & Damsyik: Dar al-Fikr.
- Jalaluddin al-Mahalli (t.t.). *Jam` al-Jawamir*, Kaherah: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, jil. 2
- Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid (2001). “Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun”, dalam Abdul Karim Ali & Raihanah Hj. Azahari (eds.), *Hukum Islam*

*Semasa Bagi Masyarakat Malaysia yang Membangun.* c. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

Muhammad Abu Zuhrah (t.t.). *Usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Fikr al-`Arabi

Mujiyono Abdillah (2003). *Dialektika Hukum Islam dan Perubahan Sosial: Sebuah Refleksi Sosiologis Atas Pemikiran Ibn Qayyim al-Jauziyyah*. Surakarta: Muhammadiyah University Press.

Syamsuddin Abi Abdullah Muhammad bin Abi Bakar al-Ma'ruf Ibn Qayyim al-Jauziyyah, (1955). *A'lam al-Muwaqqiin an-Rab al- 'Alamin*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah

Umar Sulaiman al-Asyqar, (1991). *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Amman: Dar al-Nafais.

[www.e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my) diakses pada 1 Disember 2016.